

31/10/2002

Remaja lepasan sekolah wajib sertai kerahan tenaga

Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR, Rabu - Semua remaja lepasan sekolah akan diwajibkan mengikuti latihan kerahan tenaga bagi memupuk semangat patriotisme, kata Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak.

Sehubungan itu, beliau berkata, jemaah Menteri pada mesyuaratnya hari ini menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet yang bertanggungjawab merangka model latihan program itu.

Jawatankuasa berkenaan yang dipengerusikan Najib, dianggotai beberapa menteri dan timbalan menteri termasuk Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim; Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Dompok; Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd Shafie Apdal dan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Zainal Abidin Zin dan Datuk Chor Chee Heung.

Najib berkata, kurikulum latihan itu akan memberi penekanan terhadap aspek disiplin, kerjasama berpasukan, membentuk identiti tersendiri, ketahanan peribadi, fizikal dan daya juang.

Katanya, remaja yang menyertai kerahan tenaga juga akan diberi pakaian seragam khas dan elaun serta dijangka mengikuti latihan menggunakan senjata dan boleh dipanggil bertugas untuk mempertahankan negara pada bila-bila masa apabila diperlukan.

"Jika dilaksanakan dalam tempoh terdekat ini, dianggarkan 450,194 remaja termasuk 223,882 perempuan berusia 18 tahun pada Julai lalu, wajib mengikuti latihan itu.

"Angka ini berdasarkan bancian Jabatan Perangkaan Negara," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Beliau bagaimanapun berkata, ketika ini keputusan mewajibkan penyertaan program itu hanya membabitkan remaja lelaki, manakala pertimbangan sedang dibuat untuk memastikan sama ada ia perlu diperluaskan kepada remaja perempuan.

Katanya, tempoh selepas menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan sebelum memperoleh keputusan itu dianggap sesuai bagi remaja mengikut latihan itu.

"Selain itu, undang-undang mengenai kerahan tenaga akan diwujudkan untuk mewajibkan semua remaja menyertainya, kecuali yang mempunyai alasan kukuh seperti masalah kesihatan," katanya.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada mesyuarat Kabinet hari ini juga menegaskan bahawa kurikulum kerahan tenaga tidak semestinya bercorak ketenteraan sepenuhnya, walaupun pelatih akan diwajibkan mengikuti latihan ketenteraan.

Sebaliknya, kata beliau, kurikulum itu perlu mengambil kira kegiatan bermanfaat dan produktif untuk memastikan setiap pelatih mampu mewujudkan integrasi serta perpaduan nasional yang lebih kental.

"Latihan kerahan tenaga perlu kerana kesedaran rakyat berhubung persoalan keselamatan dan pertahanan negara ketika negara dalam keadaan aman adalah dingin.

"Ini dapat dilihat menerusi program sukarela yang dibentuk menerusi askar wataniah apabila bilangan yang menyertainya masih rendah, selain kurangnya sokongan majikan untuk melepaskan pekerja menyertai pasukan itu," katanya.

Mohd Najib berkata, perbincangan dengan persatuan pelajar, badan

politik, pertubuhan bukan kerajaan dan orang perseorangan akan diadakan sebelum membuat keputusan terperinci berhubung perkara itu.

"Kita juga akan menimbangkan sama ada program rakan muda akan teruskan apabila kerahan tenaga dilaksanakan," katanya.